

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH
ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUP FESTIVAL KELESTARIAN KAMPUS HIJAU
UiTM 2022**

**ANJURAN UITM GREEN CENTRE (UGC),
PEJABAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN
INFOSTRUKTUR (PPII)**

19 JANUARI 2023 | KHAMIS | 2.30 PETANG

**ANJUNG SERI BUDIMAN
UiTM SHAH ALAM**

Terima kasih Saudari Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
sejahtera

Yang Berbahagia

Barisan Pengurusan Tertinggi UiTM

Rakan-rakan strategik dari industri dan pemegang taruh

Serta seluruh Warga UiTM yang dikasihi sekalian

SALUTASI – KEMASKINI BERDASARKAN KEHADIRAN

1. Alhamdulillah, syukur kepada Ilahi atas limpah kurnia-Nya kerana kita semua dapat berkumpul di Anjung Seri Budiman UiTM pada hari ini bagi menyaksikan Majlis Penutup Festival Kelestarian Kampus Hijau UiTM 2022. Tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua Keluarga UiTM. Semoga tahun ini dapat dijadikan sebagai titik permulaan untuk kita terus memperkasakan peranan UiTM sebagai wadah untuk memacu kepentingan anak bangsa.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pusat Hijau UiTM atau lebih dikenali sebagai UiTM Green Centre (UGC) kerana berjaya menganjurkan program ini. Untuk makluman semua, program kelestarian yang bertemakan “Gaya Hidup Lestari dan Sihat” ini adalah merupakan penganjuran buat kali kedua; dan merupakan pencapaian yang membanggakan kerana usia UiTM Green Centre, PPII baru menginjak tahun ke-3.

3. Sesungguhnya UiTM dan kelestarian bukanlah perkara yang baru kerana inisiatif kelestarian Universiti telah bermula melalui penubuhan Jawatankuasa Kelestarian pada tahun 2019. Ketika itu saya sendiri merupakan salah seorang ahli di dalam jawatankuasa tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa UiTM tidak asing lagi di dalam merencana inisiatif-inisiatif kelestarian.

Hadirin yang saya hormati,

4. Penganjuran Festival Kelestarian Kampus Hijau UiTM oleh UiTM Green Centre, Pejabat Pembangunan Infrastuktur dan Infostruktur (PPII) juga adalah merupakan bukti komitmen sokongan yang berterusan di kalangan warga UiTM bagi merealisasikan Agenda Kelestarian Universiti.

5. Sebagai universiti tempatan dengan populasi terbesar di Malaysia, UiTM mempunyai kekuatan untuk menggerakkan inisiatif kelestarian di seluruh kampus. Populasi Warga UiTM yang terdiri daripada kepelbagaian latar belakang pendidikan dan sosial menjadikan universiti ini unik. Jika setiap orang menyokong usaha ke arah menjadikan kampus ini lestari, saya jangkakan menjelang 2030 kita berupaya mencapai sasaran menjadikan universiti ini kampus lestari. Selaku Naib Canselor UiTM, saya menaruh harapan yang tinggi agar tuan-tuan dan puan-puan turut serta dalam menyahut seruan hala tuju agenda kelestarian ini demi masa depan Universiti yang lebih terpelihara.

6. Biasakan diri kita dengan melaksanakan usaha penjimatan tenaga seperti menutup lampu, penghawa dingin, komputer, TV dan peralatan elektrik lain sebelum kita meninggalkan bilik. Jadikan amalan dan ikrarkan diri untuk sentiasa menanam rasa bangga untuk membantu bumi terpelihara daripada pencemaran alam, pembaziran tenaga dan air, pembuangan sisa tidak terawat yang membawa bencana kepada dunia dan ketidakadilan sosial.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Pada kesempatan ini juga, saya ingin berkongsi kegembiraan bersama anda semua mengenai pencapaian terkini UiTM di dalam agenda kelestarian yang amat membanggakan seluruh warga UiTM. Melalui kerjasama dan komitmen yang jitu daripada pelbagai pihak, UiTM telah berjaya melonjak 22 anak tangga dan berada di kedudukan ke-128 daripada 1050 universiti di dalam penarafan UI GreenMetric (UIGM) World University Ranking 2022. Syabas UiTM. Semoga pengiktirafan di peringkat global ini dapat memacu UiTM untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia (GRU) menjelang tahun 2025.

8. Akhir kata, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada UiTM Green Centre, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPII) di atas penganjuran Festival Kelestarian Kampus Hijau 2022. Saya amat berharap agar penganjuran Festival Kelestarian Kampus Hijau bagi tahun 2024 bakal menghasilkan impak yang lebih besar terhadap halatuju kelestarian Universiti.

9. Oleh itu, sama-sama kita nantikan keputusan pemenang bagi setiap kategori yang telah dipertandingkan di dalam Festival Kelestarian Kampus Hijau UiTM 2022 yang bakal diumumkan sebentar lagi. Semoga kemenangan ini bakal

menyuntik semangat Warga UiTM untuk menjadi warga yang lebih cakna terhadap isu-isu kelestarian.

10. Dengan lafaz, 'Bismillahirrahmanirrahim', saya menutup Festival Kelestarian Kampus Hijau UiTM 2022.

Sekian,

Wabilahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.